# AYAT PERMINTAAN

**Arahan:** Pilih jawapan yang betul dengan menulis **A, B,C atau D** ke dalam petak yang disediakan

**1.** _____ ambilkan buku cerita di atas rak itu kerana saya tidak dapat mencapainya.

A. Harap B. Tolong C. Jangan D. Sila

**2.** _____ semua murid menghantar latihan Bahasa Melayu sebelum waktu rehat.

A. Minta B. Usah C. Jangan D. Jemput

**3.** _____ ayah mengizinkan saya menyertai perkhemahan sekolah pada cuti persekolahan.

A. Jangan B. Sila C. Mohon D. Usah

**4.** Ibu berkata, "_____ tutup pintu itu dengan perlahan supaya adik tidak terjaga."

A. Harap B. Tolong C. Jangan D. Sila

**5.** _____ semua ahli kumpulan memberikan kerjasama agar tugasan ini dapat disiapkan tepat pada masanya.

A. Tolong B. Jangan C. Usah D. Harap

**6.** "_____ cikgu menerangkan sekali lagi cara menjawab soalan ini," kata Amir dengan sopan.

A. Minta B. Sila C. Jangan D. Mohon

**7.** _____ para ibu bapa hadir ke mesyuarat yang akan diadakan pada hari Sabtu nanti.

A. Harap B. Tolong C. Jangan D. Usah

LIVEWORKSHEETS